

21 FEB 2003

Hishammuddin-Aman (Bergambar)

DELEGASI NAM BERPELUANG SAKSIKAN PERHIMPUNAN AMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perhimpunan Aman Malaysia yang dijangka menghimpunkan lebih 150,000 rakyat di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Ahad ini, akan turut dapat ditonton secara langsung oleh semua delegasi ke Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata skrin besar akan diletakkan di setiap hotel penginapan delegasi NAM bagi membolehkan mereka mengikuti perhimpunan itu secara langsung.

"Pemimpin-pemimpin dan mereka yang terlibat dengan NAM dapat mendengar pendirian dan pendapat kita mengenai peperangan," katanya pada sidang media selepas menerima tandatangan sokongan warga Kementerian Kesihatan terhadap kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia.

Pada majlis itu beliau menerima sebanyak 31,000 tandatangan yang mewakili 100,000 warga kerja Kementerian Kesihatan daripada menterinya, Datuk Chua Jui Meng di Auditorium Hospital Kuala Lumpur.

Hishammuddin berkata sambutan terhadap kempen berkenaan amat menggalakkan dan sehingga kini jumlah kutipan tandatangan yang diperolehi telah melepasi sasaran satu juta.

"Dengan tambahan 31,000 tandatangan warga Kementerian Kesihatan, jumlah tandatangan yang diperolehi melalui kempen ini kini ialah 1.431 juta," katanya.

Menurut beliau memandangkan sambutan yang di luar jangkauan, kempen berkenaan akan diteruskan lagi dengan kerjasama Pergerakan Belia 4B dan Pertubuhan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC).

Katanya semua tandatangan yang diperolehi akan diaudit, dijilidkan dan didokumentasikan sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Aman Malaysia itu.

Perhimpunan itu akan bermula pada 5 petang dengan persembahan konsert artis-artis tanah air yang akan menyanyikan lagu-lagu bertemakan keamanan dan kemanusiaan.

Ia akan disusuli dengan ucapan oleh wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan serta wakil dari Iraq dan Palestin serta diikuti ucapan dan amanat oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

FA MFZ MAI